

PENTARJIHAN QIAS DALAM MAZHAB SHAFI'I

Muhamad Ismail Abdullah
Pensyarah di Jabatan Syariah, KUIS,
muhamadismail@kuis.edu.my,
012-3848800

Abstrak

Tarjih merupakan antara instrumen penting dalam proses istinbat hukum terutamanya apabila berlakunya konflik antara dalil. Dalam hal ini, metodologi memainkan peranan yang sangat penting bagi menentukan hukum yang paling rajih. Tarjih bukan sahaja menilai nas dari aspek ayat dan teks semata-mata, bahkan turut menganalisis riwayat sekiranya berlaku konflik antara hadis. Begitu juga apabila melibatkan dalil-dalil aqliyah seperti qias, masalah, istishab dan lain-lain, maka tidak terkecuali daripada berlaku pertembungan dan konflik. Justeru, perbezaan pandangan dalam konteks dalil-dalil aqliyah lebih luas dan terbuka, manakala proses untuk melakukan tarjih dilihat fleksible. Walaupun operasi tarjih sangat dialu-alukan, tetapi ianya mestilah ditangani oleh mereka yang berkeelayakkan sahaja. Kajian membuat sorotan kepada proses tarjih yang dilakukan apabila berlaku pertembungan melibatkan qias terutamanya tarjih antara 'illah. Imam al-Shafi'i telah membahagikan qias kepada dua iaitu qias musawi dan qias shabah. Melalui metod analisis dokumentasi kajian ini menemukan beberapa kaedah pentarjihan qias yang diamalkan dalam kerangka mazhab Shafi'i.

Kata kunci: *Tarjih, Mazhab Shafi'i, Qias*

1.0 Pengenalan

Tarjih merupakan antara perbahasan penting dalam kerangka ilmu *usul fiqh*. Seni *pentarjihan* adalah satu ilmu yang sangat halus dan teliti terutama apabila berkaitan proses analisis terhadap nas dan dalil. Sama ada analisis terhadap teks suatu nas, sanad (sekiranya melibatkan hadis) juga *'illah*.

Sebagai contoh, apabila berlaku pertentangan antara dua nas, maka beramal dengan kedua-duanya dalam apa juga bentuk perlu diutamakan berbanding beramal dengan salah satu daripadanya dan mengabaikan yang satu lagi (al-Razi A. A.-H.-D., 1999). Ini kerana asal prinsip dalil itu adalah untuk diamalkan bukannya untuk diabaikan (al-Subki T. a.-D.-W.-K., 1999). Jika ini berlaku, maka mujtahid dikira telah meraikan nas-nas yang ada sebaik mungkin dan memberikan hak masing-masing sesuai dengan kedudukan dan kondisinya.

Keperluan kepada *tarjih* tidak hanya terbatas pada hukum-hukum yang melibatkan nas-nas al-Quran dan hadith sahaja. Tetapi *tarjih* juga terpakai dalam proses persembahan hukum yang melibatkan sumber-sumber lain seperti *qias*, *masalih mursalah*, *sad zurai'i* dan lain-lain dalil aqliyah.

Sekiranya *tarjih* tidak dilakukan maka persoalan hukum yang dibincangkan tidak akan menemui jalan penyelesaian, sedangkan tarjih diperlukan dalam konteks untuk beramal dengan dalil bukan untuk mengabaikannya. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab seorang mujtahid untuk melakukan proses tarjih dan merungkai konflik yang ada antara dalil.

2.0 Pengertian *Tarjih*

Dari sudut bahasa, *tarjih* membawa dua pengertian. Pertama bermaksud menguatkan atau memberi kemenangan kepada yang lain. Manakala maksud kedua pula adalah mengerak-gerakkan secara berturut-turut (al-Subki T. a.-D.-W.-K., 1999).

Dalam *Mu'jam Mukhtasar al-Sahhah, tarjih* ditakrifkan sebagai memberi (al-Razi Z. a.-D.-Q., 2005). Sementara Ibn Manzūr melalui *Lisan al-'Arab* mentakrifkan dengan mengungkapkan ayat berikut: *ورجحتُ ترجيحاً إذا أعطيتُهُ راجحاً* yang memberi maksud, “*dan aku telah lebihkan dia apabila aku berikan dia sesuatu yang lebih banyak*” (Ibn Manzur).

Menurut kamus bahasa moden ia bermaksud memilih sesuatu dan memperkuatkannya (Sanu, 2002).

Sementara dari sudut istilah ilmu *usul al-fiqh*, Imam Fakhr al-Din al-Razi (1999) mentakrifkan *tarjih* sebagai menguatkan salah satu dari dua jalan untuk mengetahui mana yang lebih kuat, lalu beramal dengannya dan ditolak yang sebaliknya.

Menurut pengarang *al-Ibhaj, tarjih* bermaksud memperkuatkan salah satu dari dua petunjuk untuk beramal dengannya (al-Subki ' . b.-K., 1982).

Al-Zarkashi (2000) turut mengertikannya dengan pengertian yang sama dengan sedikit perubahan iaitu memperkuatkan salah satu dari dua petunjuk dengan sebab yang tidak jelas. Maksudnya sekiranya suatu dalil itu sudah punya kekuatan yang jelas, ia tidak perlu kepada *pentarjihan*.

Al-Amidi (1998) mentakrifkan *tarjih* sebagai menghubungkan salah satu dari dua dalil yang saling bertentangan yang sesuai sebagai dalil mengikut sebagaimana yang diminta, dimana salah satu darinya mewajibkan amal dan satu lagi diabaikan.

Manakala dalam istilah moden diertikan sebagai mendahulukan salah satu daripada dua dalil yang saling bertentangan, kerana kelebihan yang ada padanya menjadikannya lebih utama untuk beramal berbanding dalil yang sebaliknya (Sanu, 2002).

Ia juga ditakrifkan sebagai proses penetapan kelebihan terhadap salah satu daripada dua dalil ke atas yang satu lagi (Jaghim, 2007).

Merujuk kepada beberapa takrifan diatas semuanya menjurus kepada memahami *tarjih* sebagai satu proses dengan tujuan untuk mengetahui kelebihan suatu dalil berbanding yang lain untuk dijadikan hujah dan beramal dengannya.

3.0 Qias Dalam Neraca Mazhab Shafi'i

Imam al-Shafi'i selaku pelopor kepada penyusunan ilmu *usul fiqh* telah menerima qias sebagai salah satu daripada sumber hukum, bahkan beliau adalah orang pertama yang menghuraikan qias berserta dengan dalil dan hujah-hujahnya (Maghribiyah, 2011). Pada hemat beliau qias dan ijtihad adalah merujuk kepada perkara yang sama. Menurut Imam al-Shafi'i lagi, qias itu terbahagi kepada dua, iaitu qias yang mengandungi makna yang sama seperti asal atau disebut sebagai qias *musawi*. Qias ini tiada perselisihan padanya. Sementara yang kedua, qias yang mempunyai kemiripan pada usul-usulnya atau disebut juga sebagai qias *shabah*. Qias ini kadang-kadang terdedah kepada perselisihan (al-Shafi'i, 1940). Dalam menjustifikasikan qias, Imam al-Shafi'i berkata:

وَمَنْ يُتَارِخُ مِمَّنْ بَعَدَ رَسُولِ اللَّهِ رَدَّ الْأَمْرَ إِلَى قَضَاءِ اللَّهِ، ثُمَّ قَضَاءِ رَسُولِهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهَا تَنَازُعٌ فِيهِ قَضَاءٌ، نَصًّا فِيهِمَا وَلَا فِي وَاحِدٍ مِنْهُمَا رَدُّهُ قِيَاسًا عَلَى أَحَدِهِمَا.

Maksudnya: Sesiapa yang saling berselisih setelah kewafatan Rasulullah hendaklah merujuk perkara tersebut kepada keputusan Allah (al-Quran), kemudian keputusan Rasul-Nya (Sunnah). Sekiranya tiada ditemui dalam

perkara yang mereka perselisihkan itu suatu keputusan dengan satu nas dalam kedua-duanya (al-Quran dan Sunnah) atau salah satu dari keduanya, hendaklah melakukan qias berpandukan salah satu dari keduanya (al-Subki T. a.-D.-H.-K.).

Berpandukan kepada teks di atas dapat difahami bahawa Imam al-Shafi'i menerima peranan akal dalam memahami objektif syariat. Justeru, pendekatan beliau adalah dengan merujuk kepada logik akal yang umum dan qias yang bersifat khusus ketika ketiadaan nas daripada al-Quran, sunnah dan ijmak. Dengan pengiktirafan ini, proses observasi, penggunaan akal dan qias mempunyai ruang yang besar dalam manhaj fikah Imam al-Shāfi'i. Logik atau *ma'qul* dalam istilah beliau lebih luas dan umum daripada qias. Ia adalah hukum logik yang diperoleh berdasarkan penelitian dan pemerhatian pada dalil-dalil syarak. Sungguhpun Imam al-Shafi'i memberi ruang yang luas kepada penggunaan qias, akan tetapi beliau tidak mengharuskannya apatah lagi ijtihad bagi mereka yang tidak layak (al-Subki T. a.-D.-H.-K.).

Penggunaan logik akal ini bukan sahaja dalam bentuk qias yang biasa dikenali dalam kalangan *fugaha'* sebagai qias *musawi* tetapi Imam al-Shāfi'i turut menggunakan hujah-hujah logik untuk mendukung nas-nas yang dipersembahkan sebagai dalil. Selain itu hujah-hujah logik juga digunakan untuk membuktikan kesilapan mereka yang berbeza pandangan dengan beliau melalui kaedah dialog yang berkesan (al-Subki T. a.-D.-H.-K.).

Perlu diingat juga bahawa rujukan kepada qias ini berlaku apabila ketandusan nas yang menyentuh suatu hukum secara langsung. Apabila adanya nas maka tiada peranan bagi qias secara mutlak sama ada nas tersebut *zanni* pada sanad mahupun *dilalah* (Zahrah, 1997). Walau bagaimanapun qias masih boleh berperanan dalam kerangka memahami nas dan pendalilan.

4.0 *Tarjih* Antara Qias

Walaupun qias diterima sebagai salah satu sumber dalam metodologi hukum mazhab Shafi'i, akan tetapi ia turut terdedah kepada perselisihan. Apatah lagi ciri-ciri qias itu sendiri yang merupakan hujah *aqliyyah* yang sifatnya sangat terbuka selagi mana dikembangkan dalam kerangka aturan yang dibenar oleh ilmu usul.

Sebagaimana yang diketahui, antara rukun terpenting dalam qias adalah '*illah* dan ia adalah faktor penentu dalam menjustifikasi hukum. Hubungan timbal balik antara '*illah* dan hukum menunjukkan kekuatan yang ada ada suatu '*illah* sehingga boleh dijadikan sebagai asas bagi hukum. Atas keterikatan antara hukum dan '*illah* ini, maka penentuan '*illah* merupakan sesuatu yang sangat mustahak dan penting. Sebagaimana konflik antara nas-nas yang memerlukan *tarjih*, maka begitu juga kadang-kadang berlaku konflik antara '*illah* hingga memerlukan kepada proses pemurnian dan *tarjih*.

Imam al-Ghazali (2000) melalui kitab al-Mustasfa menggariskan lima keadaan *pentarjihan* '*illah* seperti berikut:

1. *Tarjih* '*illah* dengan merujuk kepada kekuatan *al-asl* yang merupakan sumber kepada hukum.
2. *Tarjih* berpandukan kepada kekuatan '*illah* itu sendiri.
3. *Tarjih* berpandukan cara penentuan '*illah* sama ada melalui nas, ijmak atau petunjuk lain.
4. *Tarjih* dengan berpandukan kekuatan hukum yang disabitkan pada '*illah*.
5. *Tarjih* '*illah* berdasarkan keselariannya dengan usul.

Sebahagian daripada lima keadaan konflik antara qias seperti di atas telah dihuraikan oleh al-Zarkashi (2000) sebagaimana berikut:

1. *Tarjih* berpandukan kekuatan '*illah*'
 - i- Ditarjihkan qias yang ber'*illah*kan sifat hakiki yang merupakan kebarangkalian hikmah suatu hukum ke atas hikmah itu sendiri. Oleh itu perjalanan (*safar*) itu menjadi '*illah* yang hakiki kepada keharusan *jama'* dan *qasar* serta meninggalkan puasa dibulan Ramadhan berbanding kesulitan atau *masyaqqah* yang lebih bersifat subjektif.
 - ii- Ditarjihkan '*illah* yang dibina berpandukan hikmah ke atas '*illah* pada sifat yang tiada. Walaupun hikmah dan '*illah* adalah dua perkara yang berbeza, akan tetapi ketika ketiadaan sebarang sifat yang konsisten ada suatu perkara boleh menyebabkan hikmah diambil kira ketika proses pentarjihan.
 - iii- Ditarjihkan hukum yang ber'*illah*kan hukum syarak ke atas hukum yang ber'*illah*kan selain darinya.
 - iv- Didahulukan '*illah* yang mudah berbanding dengan '*illah* yang rumit.
 - v- Diutamakan '*illah* yang kurang sifatnya ke atas yang banyak sifatnya (al-Shirazi, 1995).
 - vi- Sebarang '*illah* yang memberi kesan langsung kepada hukum (*muṭridah mun'aqīṣah*) didahulukan ke atas '*illah*-'*illah* yang lain (al-Shirazi, 1995).
2. Berpandukan kepada dalil yang menunjukkan ke atas kewujudan '*illah* (al-Zarkashi, 2000)

Penentuan kewujudan '*illah* ini boleh jadi bersifat *qaṭi'* atau *ẓanni*. Oleh itu mana-mana '*illah* yang diketahui sifatnya diutamakan untuk ditarjihkan berbanding '*illah* yang *ẓanni* sifatnya.
3. *Tarjih* berpandukan kepada perkara luaran (al-Ghazali, 2000)
 - i- Hendaklah salah satu daripada dua qias menepati *usul* pada '*illah*.
 - ii- Ditarjihkan qias yang menepati *usul* pada hukum.
 - iii- Ditarjihkan qias yang banyak menyentuh perkara-perkara *furū'*.
 - iv- Ditarjihkan qias yang disertai oleh '*illah* yang lain padanya.
 - v- Ditarjihkan qias yang disertai bersamanya fatwa sahabat.

5.0 Kesimpulan

Tarjih adalah suatu proses permurnian hukum yang tercetus disebabkan konflik yang berlaku antara dalil. Konflik ini boleh sahaja melibatkan nas, sanad dan juga *illah* hukum. Maka dalam keadaan tertentu *tarjih* sangat diperlukan untuk mengenalpasti hukum yang tepat dalam konflik hukum yang berlaku. Konflik ini akan lebih ketara apabila melibatkan dalil-dalil *aqliyyah* dan hujah-hujah *mantiqiyyah* terutama dalam kes-kes yang tidak disertai oleh nas secara langsung seperti qias, *maslahah*, *sad zarai'i* dan seumpamanya.

Qias merupakan salah satu daripada sumber hukum yang penting dan mustahak ketika ketiadaan nas dalam menentukan hukum. Imam al-Shafi'i telah meletakkan qias setaraf dengan *ijtihad* memandangkan kepada prinsipnya yang lebih terbuka kepada persembahan hujah-hujah *aqliyyah* dan *mantiqiyyah*. Walaupun demikian, Imam al-Shafi'i turut menegaskan bahawa qias dan *ijtihad* itu memerlukan kepakaran dan tidak diserahkan prosesnya kepada yang bukan ahli. Secara umumnya Imam Shafi'i telah membahagikan qias kepada dua, qias yang disepakati iaitu qias *musawi'* dan qias yang diperselisihkan, iaitu qias *shabah*.

Antara rukun utama bagi qias adalah 'illah. Mengenalpasti 'illah akan membawa mujtahid menghampiri hukum syarak. Oleh kerana itu setiap 'illah mestilah diuji agar ia benar-benar boleh dianggap sebagai faktor penentu bagi menjustifikasi hukum. Walau bagaimanapun, kadang-kadang berlaku konflik antara 'illah sehingga memerlukan kepada *tarjih*. Ini berlaku apabila terdapat lebih daripada satu illah yang melingkari suatu permasalahan dan ia berlaku dalam kedua-dua bentuk qias, qias *shabah* dan qias *musawi*.

Rujukan

- al-Amidi, ' b. (1998). *Al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar Kitab al-'Arabi.
- al-Ghazali, A. H. (2000). *Al-Mustasfa Fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Razi, A. A.-H.-D. (1999). *Al-Mahsul Fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Razi, Z. a.-D.-Q. (2005). *Mukhtasar al-Sahhah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Shafi'i, M. b. (1940). *Al-Risalah*. Mesir: Maktabah al-Halabi.
- al-Shirazi, A. I. (1995). *Al-Luma' Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Subki, ' b.-K. (1982). *Al-Ibhaj Fi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Subki, T. a.-D.-H.-K. (n.d.). *Ma'na al-Qawl Imam al-Mutallibi Idha Sahhah al-Hadith Fahuwa al-Madhhabi*. Muassasah Qurtubah.
- al-Subki, T. a.-D.-W.-K. (1999). *Man'u al-Mawani' 'An Jam'u al-Jawami' Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- al-Zarkashi, B. a.-D. (2000). *Al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (n.d.). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jaghim, N. (2007). *Madkhal Ila al-Mazhab al-Shafi'i*. Kuala Lumpur: Al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah Bi Maliziya.
- Maghribiyyah, M. T. (2011). *Al-Mazhab al-Shafi'i*. Damsyik: Al-Faruq.
- Sanu, Q. M. (2002). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zahrah, M. A. (1997). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.